



KERAJAAN MALAYSIA

Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2020

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN**PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2020**

1. Tujuan	3
2. Senario Ekonomi dan Fiskal Negara	3
3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020	4
4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus	7
5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan	8
6. Aliran Tunai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020	10
7. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan	10
8. Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia	11
9. Penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi	12
10. Penutup	12
LAMPIRAN	14-17

PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2020

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan Persekutuan bagi tahun 2020.

2. Senario Ekonomi dan Fiskal Negara

- 2.1 Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus berkembang kukuh meskipun dalam keadaan ekonomi global yang semakin mencabar dan tidak menentu. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 4.7 peratus pada tahun 2018 berbanding 5.9 peratus pada tahun 2017 disokong oleh kegiatan ekonomi domestik yang kukuh dan prestasi sektor luar yang memberangsangkan.
- 2.2 Bagi tahun 2019, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhan dengan KDNK diunjur berkembang 4.9 peratus diterajui oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Namun demikian, prestasi eksport dijangka berkembang secara sederhana selari dengan aktiviti perdagangan global yang lebih perlahan. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada cabaran persekitaran luaran yang boleh menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi. Cabaran ini antara lain termasuk ketidaktentuan dasar negara maju, peningkatan dasar perlindungan, volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak serta ketegangan geopolitik.
- 2.3 Kerajaan juga menghadapi cabaran fiskal dengan paras hutang dan liabiliti Kerajaan mencecah tahap RM1 trilion. Dalam konteks ini, Kerajaan komited terhadap inisiatif konsolidasi fiskal ke arah mencapai bajet berimbang dan bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terkawal, iaitu tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK. Dengan itu, Kerajaan bercadang mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur daripada 3.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2018 kepada 3.4 peratus pada tahun 2019, dan seterusnya 3.0 peratus pada tahun 2020. Inisiatif konsolidasi fiskal di bawah dasar fiskal negara ditambah baik dengan langkah pemantapan tadbir urus fiskal dan reformasi institusi. Antara langkah reformasi yang bakal dilaksanakan adalah penubuhan Pejabat Pengurusan Hutang dan pengenalan Akta Kebertanggungjawaban Fiskal serta Akta Perolehan Kerajaan.
- 2.4 Selaras dengan fokus Belanjawan 2019, Kerajaan akan terus mengambil pendekatan pengurusan perbelanjaan berdasarkan kemampuan dengan keutamaan diberikan kepada program dan projek; pertama, mereformasi

institusi terutamanya ke arah mengukuhkan kedudukan kewangan negara; kedua, memastikan kesejahteraan rakyat serta kualiti hidup isi rumah; dan ketiga, memacu pertumbuhan ekonomi yang mapan dan dinamik melalui budaya negara keusahawanan.

- 2.5 Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh pembaharuan struktur ekonomi dan mempercepat peralihan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Penekanan terhadap peningkatan produktiviti; menangani ketidaksepadanan dalam pasaran buruh; mengukuhkan daya saing dan daya tahan ekonomi; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi, terutamanya dalam mengamal dan beradaptasi dengan Revolusi Perindustrian 4.0; meningkatkan potensi ekonomi digital; dan memperkasa usahawan kecil dan sederhana akan terus diberi penekanan pada tahun 2020.

3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020

- 3.1 Pada 18 Oktober 2018, Kerajaan telah membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang telah menyemak semula sasaran ekonomi bagi tempoh 2018-2020 bagi meneruskan agenda pembangunan negara. Di bawah KSP, matlamat pelbagai dimensi dalam strategi ekonomi makro telah diperkukuh dan dizahirkan melalui enam (6) Tonggak Nasional, iaitu:

3.1.1 Tonggak I: Mereformasi Tadbir Urus ke Arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam;

3.1.2 Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat;

3.1.3 Tonggak III: Menuju ke Arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang;

3.1.4 Tonggak IV: Memperkasa Modal Insan;

3.1.5 Tonggak V: Mempertingkat Kemampuan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau; dan

3.1.6 Tonggak VI: Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi.

- 3.2 Sebagai pengukuhan kepada pendekatan *Outcome Based Budgeting* (OBB) sedia ada, pelaksanaan konsep *Zero Based Budgeting* (ZBB) juga akan diterapkan bagi memastikan pengurusan belanjawan yang lebih berkesan. Di bawah konsep ZBB, semua program termasuk penilaian ke

atas kos dan skop kontrak sedia ada akan dinilai semula dari segi keberkesanan dan prestasi bagi mengoptimumkan peruntukan Kerajaan. Justeru, kerangka keberhasilan Kementerian bagi tahun 2020 hendaklah menumpu kepada *core business* dan sumbangan Kementerian/jabatan/agensi kepada keutamaan nasional dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

3.2.1 Semakan Semula Program-Aktiviti

Program-Aktiviti sedia ada Kementerian/jabatan/agensi perlu disemak semula dari segi sumbangan terhadap pencapaian objektif/outcome/tujuan penubuhan (*purpose in life*), kesesuaian dalam membantu menyelesaikan masalah pelanggan/rakyat atau memenuhi keperluan *stakeholder* selain memastikan program dan aktiviti yang dijalankan adalah berada di bawah bidang kuasa Kementerian/jabatan/agensi. Keputusan penilaian Program-Aktiviti hendaklah dilaporkan di dalam mesyuarat *Ministry OBB Implementation Committee* (MOIC) dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan selepas dibincangkan di dalam mesyuarat MOIC;

3.2.2 Semakan Semula Penyampaian Program

Strategi penyampaian program perlu disemak dari segi keberkesananannya serta mengambil kira sama ada strategi tersebut boleh ditambah baik atau digantikan dengan strategi baharu. Program yang tidak lagi relevan perlu digantikan dengan program baharu yang dapat memberi impak yang lebih signifikan kepada pelanggan/rakyat. Sebarang cadangan pewujudan program baharu hendaklah mempunyai elemen penggantian (*trade off*) dengan program sedia ada. Semakan dan penilaian program sedia ada dan baharu perlulah menggunakan alat pengurusan yang bersesuaian bagi menjustifikasikan program tersebut boleh dilaksanakan. Ini bagi menggalakkan proses pembuatan keputusan berasaskan bukti (*evidence based decision*).

3.2.3 Kajian Kos dan Skop Kontrak

Kos dan skop kontrak bagi *Locked in Item* sedia ada dan baharu perlu diteliti bagi memastikan peruntukan disediakan hanya untuk perkara yang kritikal dan berkeutamaan serta memberi pulangan yang setimpal (*value for money*) kepada Kerajaan; dan

3.2.4 Penelitian Terhadap Kewujudan dan Fungsi Organisasi serta Perjawatan

Bagi memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan Kerajaan digunakan secara optimum, penelitian perlu dibuat

terhadap kewujudan dan fungsi organisasi serta perjawatan. Kementerian/jabatan/agensi sedia ada dengan fungsi yang tidak lagi relevan atau bertindih hendaklah dicadang untuk ditutup atau digabungkan. Perjawatan sedia ada daripada jabatan/agensi yang dimansuhkan perlu diagihkan semula kepada organisasi lain dengan fungsi baharu atau yang lebih memerlukan.

- 3.3 Kementerian/jabatan/agensi perlu menyediakan kerangka keberhasilan yang merangkumi tiga (3) dokumen strategik, iaitu Ringkasan Eksekutif Kementerian (MES), Kerangka Pengurusan Prestasi Program (PPMF) dan Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMF). Setiap APMF hendaklah disertakan dengan Lembaran Belanjawan Aktiviti (ABS) yang memperincikan cadangan anggaran perbelanjaan bagi mencapai keberhasilan yang dirancang.
- 3.4 Maklumat kerangka keberhasilan bagi tahun belanjawan 2019 boleh digunakan semula bagi tujuan penyediaan belanjawan 2020. Walau bagaimanapun, penambahbaikan data/maklumat bagi kerangka keberhasilan di setiap peringkat, khususnya data mengenai profil pelanggan/*stakeholder* dan masalah/keperluan perlu disemak semula bagi disesuaikan dengan perkembangan semasa. Sekiranya tiada perubahan berlaku ke atas profil berkenaan, kenyataan outcome sedia ada perlu dikekalkan dan kementerian/jabatan/agensi dikehendaki menyemak semula sasaran prestasi bagi setiap Penunjuk Prestasi Utama (KPI) agar selaras dengan keutamaan dan perancangan tahun 2020. Kementerian/jabatan/agensi juga perlu memastikan bahawa setiap sasaran yang ditetapkan pada tahun 2020 adalah selaras dengan sasaran yang ditetapkan di dalam KSP RMKe-11.
- 3.5 Cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2020 hendaklah disediakan berdasarkan kerangka keberhasilan yang dipersetujui dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - 3.5.1 keutamaan dalam melaksanakan *core business* kementerian/jabatan/agensi agar sejajar dengan kerangka keberhasilan yang dipersetujui;
 - 3.5.2 keperluan peruntukan lain bagi program dan dasar semasa Kerajaan;
 - 3.5.3 keperluan sebenar dan keupayaan pelaksanaan kementerian/jabatan/agensi untuk melaksanakan program/projek/aktiviti bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan secara optimum pada tahun yang dirancang dan memberi manfaat kepada kumpulan sasar; dan

- 3.5.4 membuat perancangan perolehan tahunan (PPT) dengan teliti mengikut keutamaan bagi memastikan penyediaan peruntukan yang lebih tepat. Sebarang penjimatan daripada proses perolehan hendaklah diambil kira sebagai langkah mengelakkan pertambahan peruntukan secara *incremental*. PPT bagi perolehan tender hendaklah dibentang dalam Lembaga Perolehan Agensi dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal, seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.
- 3.6 Kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi dan cadangan anggaran perbelanjaan 2020 hendaklah disediakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 mengenai Belanjawan Berasaskan Outcome. Pegawai Pengawal, Pengurus Program dan Ketua Aktiviti adalah bertanggungjawab (*accountable*) ke atas maklumat prestasi dalam MES, PPMF dan APMF serta anggaran perbelanjaan yang dipohon.
- 3.7 Perancangan program-program yang akan dilaksanakan hendaklah menggunakan konsep *zero-based* di mana kementerian/jabatan/agensi perlu menilai semula keberkesanan dan prestasi program sedia ada bagi mengenal pasti peluang-peluang penjimatan. Melalui konsep ZBB, penjimatan daripada pemansuhan program sedia ada yang didapati kurang berprestasi serta kurang berkesan dalam menangani masalah pelanggan dapat membuka ruang bagi pelaksanaan program baharu yang lebih efisien menggunakan sumber yang terhad.

4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

- 4.1 Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus:
 - 4.1.1 Perbelanjaan mengikut keutamaan program yang menyumbang secara signifikan kepada outcome nasional;
 - 4.1.2 Mengelakkan pertindihan fungsi dalam kementerian/jabatan/agensi;
 - 4.1.3 Memastikan semua permohonan peruntukan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 mengenai Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 10 Tahun 2017;
 - 4.1.4 Memastikan keperluan emolumen dikira secukupnya termasuk bagi pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;

- 4.1.5 Mengambil kira perbelanjaan komited lain terutamanya yang berkontrak setelah semakan semula ke atas skop dan kadar dibuat; dan
- 4.1.6 Memberi keutamaan kepada penyenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan.
- 4.2 Dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020, keperluan Dasar Sedia Ada dan *One-Off* perlu disediakan berdasarkan konsep ZBB dan tertakluk kepada siling indikatif yang dikeluarkan oleh Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.
- 4.3 Cadangan anggaran perbelanjaan Dasar Sedia Ada dan *One-Off* yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap termasuk kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan Kerajaan/agensi pusat dan keperluan kewangan yang berbangkit hendaklah terangkum dalam had siling indikatif yang diberikan. Justeru, kementerian/jabatan/agensi hendaklah menyusun semula keutamaan program/projek/aktiviti sedia ada bagi mengoptimalkan perbelanjaan Kerajaan.

5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

- 5.1 Tahun 2020 merupakan tahun terakhir bagi RMKe-11 dan merupakan tahun untuk memastikan outcome dan sasaran yang telah ditetapkan di dalam RMKe-11 dapat dicapai. Keutamaan projek yang dipertimbangkan adalah projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian objektif dan sasaran yang telah digariskan di bawah KSP RMKe-11 dengan mengambil kira pencapaian dan prestasi semasa bagi tempoh terakhir RMKe-11.
- 5.2 Penyediaan belanjawan RP4 (2020) hendaklah mengutamakan projek sambungan dengan mengambil kira tonggak RMKe-11 yang telah mempunyai rangka kerja dasar, strategi dan hala tuju bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Kementerian/jabatan/agensi perlu memberi tumpuan kepada hala tuju kesejahteraan rakyat termasuk keseimbangan pendapatan dan kos sara hidup, pembangunan wilayah yang seimbang, perpaduan nasional, pemeraksanaan golongan belia, kesejahteraan golongan B40 dan keselamatan serta kedaulatan negara.
- 5.3 Kementerian/jabatan/agensi juga wajar memberi keutamaan kepada hala tuju ekonomi termasuk aspek tadbir urus sektor awam yang telus dan cekap, pendigitalan semua sektor ekonomi dengan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0, mempertingkatkan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri, dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan melalui penyediaan infrastruktur yang berkualiti.

- 5.4 Bagi permohonan projek fizikal yang baharu, elemen-elemen pembangunan mampan perlu mempunyai elemen inovasi seperti kecekapan tenaga elektrik dan memanfaatkan elemen semula jadi (pencahayaan dan pengudaraan).
- 5.5 Bagi memastikan penyediaan dan perancangan projek baharu RP4 (2020) diuruskan secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan (*stakeholder*) di peringkat negeri dan keperluan sebenar kumpulan sasar, Kementerian/Kerajaan negeri perlu mengambil tindakan seperti berikut:
- 5.5.1 Kementerian berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing termasuk di peringkat negeri;
- 5.5.2 Kementerian membincangkan senarai projek baharu RP4 (2020) dengan Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Majlis Tindakan Negeri (MTNg) untuk memastikan perancangan pembangunan di peringkat negeri di ambil kira dan bagi tujuan penyelarasan komitmen pihak berkuasa tanah, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti;
- 5.5.3 Kerajaan Negeri mengemukakan cadangan keutamaan projek negeri kepada kementerian berkaitan melalui Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN) atau Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan (PPP/JP) masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kementerian sebelum dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA); dan
- 5.5.4 Setiap projek baharu yang dipohon dinilai berasaskan kepada *Creativity Index (CI)*, *Logical Framework Matrix (LFM)* dan *Public Sector Comparator (PSC)*. PSC hanya disyaratkan untuk projek pembangunan fizikal baharu sahaja.
- 5.6 Keutamaan terhadap penggunaan stok tanah sedia ada dalam bank tanah kementerian/jabatan/agensi adalah disarankan bagi memastikan tanah sedia ada Kerajaan digunakan secara optimum dan dapat mengurangkan kos perolehan tapak baharu. Sekiranya keperluan perolehan bagi tapak baharu tidak dapat dielakkan, kementerian/jabatan/agensi perlu mendapatkan pandangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Kementerian/jabatan/agensi perlu memastikan tiada isu tapak/tanah projek seperti setingan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai apabila membuat permohonan projek baharu. Tapak/tanah perlu dinamakan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan geran (projek bangunan) dan Borang K (projek jalan) serta memperoleh

pengesahan pihak Pejabat Tanah Galian (PTG) bahawa tapak bebas bebanan (*free from any encumbrances*) dan sedia dimasuk;

- 5.7 Kementerian/jabatan/agensi perlu memastikan elemen ketersediaan pelaksanaan projek (*implementation readiness*) dan projek bersifat “cangkul *ready*” diambil kira semasa permohonan projek bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan segera. Ketersediaan projek hendaklah mengambil kira keperluan yang perlu disegerakan bagi kerja awalan seperti penentuan agensi pelaksana, ketersediaan tapak projek, brif projek dan persediaan makmal pengurusan nilai berdasarkan kepada Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2015. Pihak kementerian/jabatan/agensi juga perlu merujuk kepada garis panduan mengenai RMKe-11 yang masih berkuat kuasa.
- 5.8 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan SPP II sentiasa dikemas kini. Kesemua maklumat seperti maklumat projek, siling, peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/peruntukan tahunan dan perbelanjaan setiap tahun perlu diisi sepenuhnya dengan tepat. Dokumen utama projek perlu dimuat naik ke dalam sistem SPP II bagi memudahkan proses pemantauan dibuat. Semua permohonan projek RP4 (2020) perlu dikemukakan secara dalam talian (*online*) melalui model e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) **selewat-lewatnya pada 31 Mac 2019**.
- 5.9 Projek yang telah siap perlu dipastikan beroperasi sepenuhnya dan seterusnya dilaksanakan penilaian outcome untuk menilai keberkesanan projek kepada golongan sasaran selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012. Pada masa yang sama, semakan semula atau penilaian formatif ke atas setiap projek yang sedang berjalan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya dalam mencapai matlamat yang disasarkan.

6. Aliran Tunai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

- 6.1 Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, Kementerian Kewangan akan mengambil alih fungsi penetapan aliran tunai perbelanjaan pembangunan mulai tahun 2020. Proses ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan pihak MEA, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, (ICU, JPM) dan lain-lain agensi berkaitan.

7. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan

- 7.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan secara rasmi kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2020 kementerian/jabatan/agensi masing-masing kepada Perbendaharaan

dengan membuat pengesahan (*sign off*) secara *online* melalui aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui URL *www.myresults.gov.my*. Pengesahan oleh Pegawai Pengawal perlu disempurnakan dalam tempoh **15 hingga 19 April 2019** seperti perincian di **Lampiran A**.

8. Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia

- 8.1 Kerajaan beriltizam meneruskan usaha mengoptimumkan penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam yang telah diamalkan sejak tahun 2015. Seajar dengan hasrat meningkatkan produktiviti, mengelakkan pembaziran sumber dan mengoptimumkan perbelanjaan awam, usaha-usaha untuk mengawal saiz perkhidmatan awam perlu dipergiatkan melalui pendekatan yang bersesuaian termasuk rasionalisasi kementerian dan agensi.
- 8.2 Bagi mengoptimumkan perbelanjaan awam, penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam perlu diurus secara cekap dengan mengamalkan prinsip *doing more with less for more* yang menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif. Pengoptimuman sumber manusia akan dilaksanakan dengan memastikan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan dan setiap penjawat awam yang dipertimbangkan untuk mengisi sesuatu perjawatan adalah kompeten dan keupayaannya dapat dimanfaatkan untuk memberi impak maksimum kepada organisasi, Kerajaan dan rakyat.
- 8.3 Tadbir urus negara yang baik dapat direalisasikan melalui satu mekanisme bagi meningkatkan akauntabiliti Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Pengurus Sumber Manusia setiap agensi awam terhadap penggembleran sumber secara berhemah. Bagi tujuan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam menguatkuasakan peraturan supaya permohonan penstrukturan/penyusunan semula agensi hendaklah disertakan dengan laporan pelaksanaan audit sendiri (*self audit*) pembangunan organisasi agensi masing-masing. Oleh itu, setiap agensi awam hendaklah meneliti dan menilai semula fungsi/peranan agensi serta keperluan jawatan, menyemak semula kesesuaian skim perkhidmatan, menghapuskan pertindihan fungsi serta merekayasa proses kerja dan keperluan struktur semasa untuk memberi impak yang maksimum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.
- 8.4 Selaras dengan hasrat yang dinyatakan, dasar pengoptimuman sumber manusia perkhidmatan awam diteruskan dengan memperketat pewujudan jawatan baharu **tanpa sebarang implikasi kewangan tambahan** melalui;
 - 8.4.1 kaedah tukar ganti (*trade off*);
 - 8.4.2 penyusunan semula perjawatan (*redeployment*);

- 8.4.3 penajaran jawatan melalui peluasan skop fungsi teras;
- 8.4.4 pelantikan pegawai kontrak baharu tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai; dan
- 8.4.5 penguatkuasaan peraturan bahawa setiap permohonan perjawatan baharu perlu disertakan dengan *Job Description* yang lengkap.

9. Penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi

- 9.1 Laporan belanjawan program dan prestasi tahun 2020 akan meliputi prestasi sebenar kementerian tahun 2018 dan sasaran pencapaian tahun 2019 dan 2020. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pemantauan prestasi dibuat berdasarkan struktur Program-Aktiviti di bawah OBB yang telah dikemas kini dan dipersetujui. Pelaporan prestasi tersebut perlu disediakan mengikut garis panduan seperti di **Lampiran B** dan **B1**.

10. Penutup

- 10.1 Cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat dengan teliti mengikut susunan keutamaan yang secara khususnya berlandaskan kepada *core business* dan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi dan secara amnya, meningkatkan kesejahteraan rakyat di samping memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Selaras dengan pelaksanaan OBB dan ZBB, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan prestasi dibuat berdasarkan keupayaan sebenar kementerian/jabatan/agensi dalam menjana output yang berkualiti dan seterusnya mencapai sasaran dan outcome yang dikehendaki.
- 10.2 Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan mengikut keutamaan dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber, seterusnya mengelakkan pembaziran yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.
- 10.3 Pegawai Pengawal juga dikehendaki memberi perhatian serius kepada teguran audit dan mengambil tindakan tegas untuk memperbaiki kelemahan serta memastikan ketidakpatuhan/kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.
- 10.4 Pegawai Pengawal perlu meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai kementerian/jabatan/agensi agar pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan awam mencapai kualiti yang ditetapkan disokong oleh amalan tadbir urus yang baik, serta memenuhi ekspektasi pelanggan dan *stakeholder*.

- 10.5 Pegawai Pengawal turut diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan tunai dengan teliti bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Unjuran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengurus dan pembangunan hendaklah disediakan dengan tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi pelaksanaan sesuatu program/projek/aktiviti bagi tahun yang dirancang. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengemukakan Unjuran Keperluan Aliran Tunai Tahun 2020 **sebelum 31 Disember 2019** berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan yang diluluskan oleh Parlimen.

LAMPIRAN A

**KALENDAR AKTIVITI PENYEDIAAN
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN/AGENSI
BAGI TAHUN 2020**

BIL.	AKTIVITI / TINDAKAN	TARIKH AKHIR
1.	Surat makluman Perbendaharaan kepada kementerian/agensi mengenai siling indikatif	15 Mac 2019
2.	Permohonan projek RP4 (2020) dikemukakan secara <i>online</i> melalui modul e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) kepada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	31 Mac 2019
3.	Pengesahan (<i>sign-off</i>) Pegawai Pengawal secara dalam talian (<i>online</i>) bagi kerangka keberhasilan dan cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2020	15 – 19 April 2019
4.	Penyampaian Laporan Belanjawan Program dan Prestasi untuk Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2020 kepada Perbendaharaan (Pejabat Belanjawan Negara)	28 Jun 2019
5.	Penyampaian Unjuran Keperluan Aliran Tunai tahun 2020	31 Disember 2019

LAMPIRAN B**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN
LAPORAN BELANJAWAN PROGRAM DAN PRESTASI TAHUN 2020****Tujuan**

1. Kertas ini menetapkan garis panduan bagi penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang akan digunakan sebagai input untuk buku Belanjawan Persekutuan. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk memastikan agar laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang disediakan adalah selaras dengan garis panduan dan format yang ditetapkan sebelum mengemukakan kepada Perbendaharaan.

Kegunaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi

2. Laporan Belanjawan Program dan Prestasi yang dimasukkan ke dalam buku Belanjawan Persekutuan adalah sebagai sumber maklumat mengenai Program dan Aktiviti setiap kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan. Laporan ini dapat membantu Ahli Parlimen untuk memperoleh maklumat serta penerangan terperinci mengenai Program dan Aktiviti utama kementerian/jabatan/agensi.

3. Selain itu, laporan ini boleh juga digunakan oleh kementerian/jabatan/agensi sebagai bahan rujukan untuk mengetahui struktur dan kegiatan Program dan Aktiviti kementerian/jabatan/agensi yang lain. Maklumat berkenaan dapat menggalakkan kerjasama dan integrasi kerja di antara kementerian/jabatan/agensi serta membantu usaha untuk mengesan dan mengelak pertindihan Program dan Aktiviti antara kementerian/jabatan/agensi selaras dengan dasar penjimatan yang diamalkan oleh Kerajaan.

4. Maklumat yang terkandung di dalam Laporan Belanjawan Program dan Prestasi juga adalah penting kerana penekanannya terhadap prestasi yang berdasarkan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi. Maklumat tersebut dapat digunakan untuk membuat penilaian awal terhadap prestasi keseluruhan kementerian/jabatan/agensi dengan merujuk kepada data perbandingan outcome utama untuk tiga (3) tahun.

Format Bagi Penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi

5. Penerangan mengenai setiap aspek laporan untuk Laporan Belanjawan Program dan Prestasi adalah seperti berikut:

5.1 **Visi:** Satu pernyataan rasmi tentang apa yang hendak dicapai oleh kementerian/ jabatan/agensi dalam jangka masa panjang.

- 5.2 **Misi:** Satu pernyataan rasmi tentang matlamat kementerian/jabatan/agensi merangkumi tujuan kewujudan kementerian/jabatan/agensi skop operasi dan mekanisme pelaksanaan.
 - 5.3 **Pelanggan Kementerian/jabatan/agensi:** Pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi.
 - 5.4 **Prestasi Outcome Kementerian/Program:** Pelaporan pencapaian Outcome Kementerian/Program menggunakan KPI yang telah ditetapkan.
 - 5.5 **Outcome Kementerian/jabatan/agensi:** Perubahan atau kesan yang dibawa kepada masalah utama atau keperluan yang dikaitkan dengan pelanggan atau stakeholder.
 - 5.6 **KPI:** Maklumat yang digunakan untuk mengukur pencapaian outcome.
 - 5.7 **Program dan Aktiviti:** Struktur Program dan Aktiviti kementerian/jabatan/agensi adalah berdasarkan kepada pendekatan OBB. Program merupakan intervensi terancang bagi mencapai *outcome*. Aktiviti merupakan entiti yang menyumbang kepada pencapaian *outcome* sesuatu Program.
 - 5.8 **Fungsi Aktiviti:** Menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan.
6. Format asas serta garis panduan bagi menyediakan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi bagi Buku Belanjawan Persekutuan adalah seperti di **Lampiran B1**.

Penyerahan Laporan Kementerian/Jabatan/Agensi

7. Satu salinan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dan ***hard-copy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri** kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Pejabat Belanjawan Negara
Aras 6, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Pegawai Pemeriksa Belanjawan [BRO])

Laporan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat daripada 28 Jun 2019**.

LAMPIRAN B1

VISI: (Apa yang hendak dicapai oleh kementerian/jabatan/agensi dalam jangka masa panjang.)

MISI: (Matlamat kementerian/jabatan/agensi yang merangkumi tujuan kewujudan kementerian/jabatan/agensi, skop operasi dan mekanisme pelaksanaan)

PELANGGAN: (Senarai pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi)

KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN**PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN**

OUTCOME n: (Senarai outcome kementerian/jabatan/agensi)

Petunjuk Prestasi Utama	2018 (Sasaran) (Sebenar)	2019 (Sasaran)	2020 (Sasaran)
-------------------------	-----------------------------	-------------------	-------------------

PROGRAM n: (Nama Program di bawah pendekatan OBB)

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

OUTCOME n: (Senarai *outcome* Program)

Petunjuk Prestasi Utama	2018 (Sasaran) (Sebenar)	2019 (Sasaran)	2020 (Sasaran)
-------------------------	-----------------------------	-------------------	-------------------

Aktiviti n: (Senarai Aktiviti di bawah Program OBB)

Fungsi: (Fungsi Aktiviti menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan)

.....
(Tandatangan Pegawai Pengawal)